

GARIS PANDUAN

UKS4 - KURSUS TAMU: PEMANTAPAN JATI DIRI DALAM PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH

1. PESERTA KURSUS

- 1.1. Kursus ini adalah percuma dan tiada sebarang bayaran dikenakan kepada peserta.
- 1.2. Penyertaan kursus adalah terbuka kepada semua anggota, Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan Jawatankausa Audit Dalaman (JAD) dalam kalangan murid sekolah yang berumur **12 – 18 tahun sahaja**. Kursus ini juga adalah terbuka kepada murid **tingkatan enam dan pelajar Kolej Vokasional** yang berumur **tidak melebihi 20 tahun**.
- 1.3. Peserta kursus hendaklah menghadiri setiap sesi kursus dan menandatangani pengesahan kehadiran serta menyerahkan kembali pengesahan kehadiran beserta Borang Maklumat Peserta kepada penceramah sebelum kursus berakhir.
- 1.4. Peserta yang sama hanya dibenarkan untuk hadir kursus yang berlainan tajuk.

2. PENGANJURAN KURSUS

- 2.1. Kursus ini akan dilaksanakan **secara fizikal**.
- 2.2. Koperasi sekolah sebagai penganjur kursus perlu membuat permohonan menggunakan **Borang A** dan diserahkan kepada Unit Koperasi Sekolah, Seksyen Pendidikan, Kumpulan Pembangunan Koperasi ANGKASA melalui E-mel/Pos/Whatsapp sekurang-kurangnya **1 bulan sebelum tarikh kursus**.
- 2.3. Senarai nama peserta, nama koperasi, no kad pengenalan, jawatan dalam koperasi dan nombor telefon hendaklah dihantar dalam tempoh **21 hari sebelum tarikh kursus**.
- 2.4. Unit Koperasi Sekolah, Seksyen Pendidikan, Kumpulan Pembangunan Koperasi ANGKASA boleh membatalkan permohonan kursus sekiranya senarai nama tidak diperolehi dalam tempoh tersebut.
- 2.5. Sebarang pindaan tarikh/tempat kursus hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Unit Koperasi Sekolah, Seksyen Pendidikan, Kumpulan Pembangunan Koperasi ANGKASA dalam tempoh 21 hari sebelum tarikh kursus.
- 2.6. Penganjur boleh memilih tempoh masa berkursus sepertimana yang terkandung dalam permohonan di Borang A.
- 2.7. Kursus hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat surat pengesahan daripada Unit Koperasi Sekolah, Seksyen Pendidikan, Kumpulan Pembangunan Koperasi ANGKASA.

3. TEMPAT KURSUS DAN MAKAN MINUM PESERTA

- 3.1. Kursus hendaklah diadakan di dalam kawasan sekolah. Sekiranya penganjur memilih untuk melaksanakan kursus di luar kawasan sekolah, penganjur dikehendaki untuk memastikan aspek keselamatan diberi keutamaan.
- 3.2. Penganjur perlu menyediakan dewan/bilik yang berhawa dingin serta lengkap dengan kemudahan kerusi, meja, alat pembesar suara, skrin putih, komputer riba, LCD Projektor (Jika ada) dan papan putih (whiteboard).

- 3.3. Makan minum peserta kursus perlu disediakan oleh penganjur meliputi sarapan pagi, kudapan dan makan tengah hari (Sesi 1) / minum petang (Sesi 2).
- 3.4. ANGKASA akan membiayai kos perbelanjaan makan minum peserta sepertimana jumlah yang telah ditetapkan di dalam jadual pembiayaan kursus dan tuntutan bayaran.
- 3.5. Makan minum peserta yang hadir penuh sahaja akan ditanggung oleh ANGKASA.

4. JADUAL PEMBIAYAAN KURSUS DAN TUNTUTAN BAYARAN

- 4.1. ANGKASA hanya membiayai kos perbelanjaan makan dan minum bagi setiap kursus yang dijalankan seperti berikut:-

SESI BERSEMUKA	MAKAN MINUM
Sesi 1 (8.30 pagi – 1.30 petang)	RM 10.00
Sesi 2 (2.00 petang – 4.00 petang)	RM 5.00

- 4.2. Maksimum tuntutan yang dibenarkan adalah seramai **35 orang sahaja**. Sekiranya peserta melebihi dari 35 orang, penganjur akan menanggung kos lebihan peserta berkenaan.
- 4.3. Penganjur dikehendaki mendahulukan segala perbelanjaan berkaitan dan mengemukakan tuntutan kepada Unit Koperasi Sekolah, Seksyen Pendidikan, Kumpulan Pembangunan Koperasi ANGKASA dengan menggunakan **Borang KEW:1/6/08 (9/08) Pind. 09/23**.
- 4.4. Kursus yang telah ditetapkan tarikhnya akan dijalankan mengikut jadual walaupun bilangan peserta tidak mencukupi disebabkan ketidakhadiran peserta pada saat akhir.
- 4.5. ANGKASA hanya menanggung perbelanjaan berdasarkan bilangan peserta yang hadir ke kursus sahaja. **Kos bagi peserta yang tidak hadir tidak akan ditanggung oleh ANGKASA.**

5. HAL-HAL LAIN

- 5.1. Sijil kursus akan diberikan kepada peserta yang telah berjaya melengkapkan tempoh kursus sepenuhnya.
- 5.2. Sebarang pindaan atur cara perlu mendapat kelulusan daripada Unit Koperasi Sekolah, Seksyen Pendidikan, Kumpulan Pembangunan Koperasi ANGKASA terlebih dahulu.
- 5.3. Segala kos selain daripada yang dinyatakan di atas adalah di bawah tanggungan penganjur.
- 5.4. Penganjur hendaklah memastikan aspek keselamatan dan kebersihan diutamakan.
- 5.5. Segala permohonan/pertanyaan kursus boleh berhubung dengan:-

UNIT KOPERASI SEKOLAH, SEKSYEN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI ANGKASA
WISMA UNGKU A. AZIZ, JALAN SS6/1 KELANA JAYA,
46798 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
(UP: PENGURUS SEKSYEN PENDIDIKAN)

E-mel: edu.angkasa@gmail.com
 No. Telefon: 03-78846606 / 6607
 Laman Sesawang: www.angkasa.coop

ATUR CARA

KURSUS TAMU : PEMANTAPAN JATI DIRI DALAM PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH

MASA	AKTIVITI
8.30 pagi – 9.00 pagi	❖ Pendaftaran Peserta
9.00 pagi – 10.30 pagi	❖ Penilaian Awal Kursus ❖ Pemantapan Jatidiri
10.30 pagi – 11.00 pagi	❖ Kudapan
11.00 pagi – 12.30 tengah hari	❖ Konsep Pendidikan Pelancongan, Etika sebagai Tamu
12.30 tengah hari – 1.00 petang	❖ Penilaian Akhir Kursus ❖ Bersurai
1.00 petang – 2.00 petang	❖ Perbincangan Bersama ALK dan Lawatan Ke Koperasi

Nota: Sebarang perubahan dalam atur cara akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
Sila sentiasa peka dan bersedia untuk sebarang kemaskini terkini.